

10.38 peratus saham LTAT kini milik Ocean Sunshine

Baki 89.62 peratus lagi pegangan mungkin akan dimuktamad suku keempat tahun ini

Oleh Suraya Ali
suraya.ali@bh.com.my

Kuala Lumpur: Sebahagian saham milik Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) dalam Boustead Naval Shipyard Sdn Bhd (BNSSB) selesai dipindah milik kepada Ocean Sunshine Bhd, syarikat milik penuh Menteri Kewangan (Diperbadankan).

Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata sehingga 2 Oktober lalu, sebanyak 10.38 peratus saham milik LTAT selesai dipindah milik kepada Ocean Sunshine Berhad.

"Baki 68.85 peratus dan 20.77 peratus masing-masing milik Boustead Holdings Berhad dan Perstim Industries Sdn Bhd, kini dalam proses rundingan dipindah milik dan dijangka dapat dimuktamadkan selewat-lewatnya suku keempat tahun ini," katanya.

Beliau berkata demikian da-

lam jawapan bertulis, menjawab pertanyaan Jamaludin Yahya (Pasir Salak) yang bertanyakan mengenai status terkini pengambilalihan BNS oleh Kementerian Kewangan dan apakah hala tuju atau visi misi dan objektif terhadap pengambilalihan itu.

Anwar berkata, hala tuju, visi dan misi serta objektif pengambilalihan BNSSB adalah bagi memastikan BNSSB dapat menyiapkan pembinaan lima kapal tempur pesisir (LCS) dalam tempoh yang ditetapkan seperti mana Perjanjian Tambahan Keenam (SA6).

Beliau berkata, selain itu, kerajaan mahu memastikan pengurusan syarikat mengamalkan tata kelola yang baik dalam pengurusan syarikat berkaitan ke-

rajaan, termasuk pengurusan kewangan yang telus dan pengurusan projek yang lebih teratur.

"Objektif lain pengambilalihan itu juga supaya kerajaan dapat menguruskan ketersediaan pengurusan belanjawan lebih tersusun dan baik bagi memastikan projek ini dapat dilaksanakan mengikut kontrak yang ditandatangani, selain memastikan ekosistem pembinaan kapal yang membabitkan vendor tempatan dan antarabangsa, pihak institusi kewangan yang menyediakan pembiayaan dapat dipulihkan bagi menjana aktiviti ekonomi di Lumut khususnya.

"Kerajaan juga mahu memastikan aset strategik negara disediakan untuk kegunaan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan imej negara terpelihara," katanya.

"Objektif lain pengambilalihan itu juga adalah supaya kerajaan dapat menguruskan ketersediaan pengurusan belanjawan yang lebih tersusun dan baik

Anwar Ibrahim
Perdana Menteri

